


9H7M BALKANS 5 NEGARA

Croatia - Bosnia & Herzegovina - Montenegro - Albania - Macedonia

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
WZS07-TK**



**MELAWAT JAMBATAN MOSTAR YANG DIBINA PADA ABAD
KE-16 BERDASARKAN SENIBINA ISLAMIK BALKAN.**

9H7M

BALKANS 5 NEGARA

Zagreb – Bihac – Sarajevo – Mostar – Dubrovnik – Trebinje – Kotor – Shkoder – Ohrid – Skopje



TOUR CODE:
WZS07-TK

HARI 01 KUALA LUMPUR - ISTANBUL - ZAGREB

MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Zagreb. (Transit di Istanbul)
Bermalam di **Zagreb**.

HARI 02 ZAGREB - BIHAC

SP/MM

Lawatan di **Zagreb**:

- Antara lokasi utama yang dikunjungi ialah **Ban Jelacic Square**. Di kawasan ini juga terletak Zagreb City Skale Model, Ban Jelacic Statue & Lotrscak Tower.
- Melawat **Islamic Center and Mosque** ialah pusat keagamaan dan kebudayaan utama bagi komuniti Muslim di Croatia.
- Menikmati keindahan alam semula jadi di **Plitvice Lakes National Park**, yang digelar sebagai "syurga dunia" kerana kecantikan tasik berwarna biru zamrud, air terjun bertingkat serta kehijauan hutan semula jadi yang memukau.

Bermalam di **Bihac**.

HARI 03 BIHAC - SARAJEVO

SP/MM

Lawatan di **Jajce**:

- Berfoto di **Pliva Lakes** dan **Watermill Open Air Museum** yang cukup unik dengan binaan 20 buah rumah kincir air kayu di atas Pliva River di Jajce.
- **116 Monument** sebuah monumen peringatan yang dibina bagi mengenang tragedi sejarah yang berlaku di perkampungan Ahmici ketika perang Bosnia.
- **Džamija Malezija** juga dikenali sebagai Malaysia Mosque merupakan sebuah masjid yang dibina hasil sumbangan dan hubungan persahabatan antara Malaysia dan Bosnia & Herzegovina selepas perang Bosnia.
- Bersiar-siar di taman rekreasi **Vrelo Bosne** dan menikmati suasana tenang semulajadi taman ini.
- **Tunnel of Hope**: Terowong yang dibina ketika Perang Bosnia dan digunakan penduduk setempat bagi mendapatkan bekalan makanan dan ubatan ketika mana pada waktu itu bandar Sarajevo dikepung oleh tentera Serbia.

Bermalam di **Sarajevo**.

HARI 04 SARAJEVO - MOSTAR

SP/MM

Lawatan di **Sarajevo**:

- Membeli-belah di **Bascarsija**, bazar tradisional paling terkenal di Sarajevo yang dipenuhi kedai cenderamata, kraftangan tembaga, restoran tempatan serta suasana klasik era Ottoman. Di sini juga terletak Sebilj, monumen air pancut kayu ikonik yang dibina pada tahun 1753 dan menjadi mercu tanda utama bandar Sarajevo.
- **Gazi Husrev-Bey Mosque** yang merupakan masjid terbesar di Bosnia dibina pada tahun 1530.
- **Vijecnica (Sarajevo City Hall)** terletak di persimpangan tiga jalan utama di Sarajevo, menjadi monumen yang melambangkan kemajmukan budaya Bosnia.

Lawatan di **Mostar**:

- **Mostar Bridge**: jambatan ikonik Bosnia yang dibina pada abad ke-16 berdasarkan senibina Islamik Balkan. Kini menjadi Tapak Warisan Dunia UNESCO serta simbol perpaduan Mostar, terkenal dengan tradisi terjunan ke sungai.
- Membeli-belah cenderamata di **Bazar Kujundziluk** yang terkenal di sepanjang Neretva River.
- **Turkish House** yang dibina pada abad ke-17 ini memaparkan senibina tradisional Bosnia-Turki.
- **Koski Mehmed Pasha Mosque**: Masjid yang dibina pada tahun 1618 berdasarkan senibina Uthmaniyyah Turki.
- **Bey Mosque** adalah masjid yang terbesar dan salah satu yang tercantik di Herzegovina. Masjid ini menjadi pusat keagamaan dan pendidikan sejak zaman Uthmaniyyah, dan masih digunakan hingga kini.

Bermalam di **Mostar**.

HARI 05 MOSTAR - TREBINJE

SP/MM

Lawatan di **Dubrovnik**:

- Lawatan ke **Old City of Dubrovnik** yang dikenali sebagai Pearl of the Adriatic kerana keindahan kota lama dan pemandangan lautnya yang memukau. Turut melawat Walls of Dubrovnik, tembok pertahanan bersejarah yang menjadi Tapak Warisan Dunia UNESCO.
- Bergambar di **Onofrio's Fountain**, air pancut ikonik yang dibina pada tahun 1438, serta melihat Rector's Palace yang kini dijadikan muzium sejarah kebudayaan Dubrovnik.
- Turut mengunjungi **Clock Tower** yang terkenal dengan jam besar dan loceng gangsa bersejarah di tengah kota Dubrovnik.

Bermalam di **Trebinje**.

HARI 06 TREBINJE - KOTOR - SHKODER

SP/MM

Lawatan di **Kotor**:

- Melawat **Old Town of Kotor**, kota tepi laut bersejarah yang terkenal dengan lorong batu klasik, seni bina Venetian dan tembok kota yang menjadi Tapak Warisan Dunia UNESCO.
- Turut mengunjungi **Cathedral of Saint Tryphon**, antara gereja tertua di Eropah terkenal dengan seni bina Romanesque dan sejarah keagamaan yang unik.
- Bersiar-siar di sekitar **Kotor City Walls** yang dahulunya berfungsi sebagai kubu pertahanan utama bandar pelabuhan Kotor.
- Bergambar di **Clock Tower** serta menikmati suasana meriah di Square of Arms yang dipenuhi kafe, restoran dan kedai cenderamata.

Bermalam di **Shkoder**.

HARI 07 SHKODER - OHRID

SP/MM

Lawatan panorama di **Tirana**:

- Ethem Bey Mosque, Skanderbeg Square dan Skanderbeg Monument.

Lawatan di **Ohrid**:

- Melawat **Old Bazaar**, kawasan pasar bersejarah sejak zaman Uthmaniyyah yang terkenal dengan lorong klasik, kedai tradisional dan suasana budaya yang unik di bandar Ohrid.
- Turut mengunjungi **Ali Pasha Mosque**, masjid bersejarah yang dibina pada akhir abad ke-15 dan menjadi antara pusat perkembangan komuniti Muslim di Ohrid.
- Masa bebas di **Činar Square** yang terkenal dengan pokok Old Chinar Tree berusia lebih 1000 tahun serta suasana santai di tengah bandar lama.

Bermalam di **Ohrid**.

HARI 08 OHRID - SKOPJE - KUALA LUMPUR

SP

Lawatan di **Tetovo**:

- **Sarena Painted Mosque**: Kompleks masjid yang berwarna-warni ini dibina pada tahun 1438 dan turut menempatkan laman bunga, sekolah Medresa dan Turbe (makam) 2 beradik perempuan yang menaja pembinaan masjid ini.

Lawatan di **Skopje**:

- Lawatan ke **Skopje Fortress** atau Kale Fortress, kubu bersejarah abad ke-6 yang menawarkan panorama indah bandar dan Sungai Vardar.
- Turut melihat **Stone Bridge**, jambatan batu ikonik yang dibina pada tahun 1451 dan menjadi simbol utama bandar Skopje.
- Masa bebas di **Macedonia Square** untuk membeli-belah cenderamata serta menikmati suasana bandar sebelum bersiar-siar di Old Bazaar yang terkenal dengan budaya dan makanan tradisional tempatan.
- Bergambar di **Warrior on a Horse** atau lebih dikenali sebagai **Alexander The Great Statue**, mercu tanda utama di tengah bandar Skopje.
- Seterusnya melawat **Daut Pasha Hammam**, bangunan hamam Uthmaniyyah bersejarah yang kini dijadikan Galeri Seni Nasional Macedonia Utara.

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang terus ke Kuala Lumpur. (Transit di Istanbul) .

HARI 09 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur 1.

PERTUKARAN MATA WANG



EUR 1 =
MYR 5.20



PERBEZAAN WAKTU

Macedonia, Albania, Montenegro,
Croatia & Bosnia: GMT+2
Malaysia: GMT+8



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



PLITVICE LAKES

Melawat dan bersiar-siar di kawasan tasik pergunungan air terjun Plitvice Lakes yang dipanggil sebagai syurga dunia. Sesuai panggilannya, kawasan ini cukup indah dengan tasik yang kehijauan dan rangkaian air terjunnya yang menakjubkan.

2.



KALE FORTRESS

Kale Fortress yang dibina pada awal abad ke-6 pernah menjadi pusat pertahanan utama Skopje dan kini menjadi tapak arkeologi serta tarikan pelancongan.

3.



OLD CITY OF DUBROVNIK

Dikenali sebagai Pearl of the Adriatic kerana keindahan pemandangannya. Kota ini sememangnya destinasi wajib jika ke Balkans.

4.



PLIVA WATERFALL

Berfoto di Pliva Waterfall yang setinggi 27m dan Watermills Open Air Museum yang cukup unik dengan binaan 20 buah rumah kincir air kayu di atas Pliva River di Jajce.

Hotel Penginapan 4 ★ Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Zagreb	1 Mlm
Bihac	1 Mlm
Sarajevo	1 Mlm
Mostar	1 Mlm
Trebinje	1 Mlm
Shkoder	1 Mlm
Ohrid	1 Mlm

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 4* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel & makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan & pelancong yang professional.
- Tip untuk pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Vrelo Bosne, Tunnel of Hope dan Plitvice Lakes National Park.

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	TK 63	KUL - IST	1050	1635
1	TK 1055	IST - ZAG	1815	1925
8	TK 1006	SKP - IST	2020	2300
9	TK 60	IST - KUL	0140	1705

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel Insurans - Sila rujuk agent untuk pembelian insurans yang sesuai
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.
- Urusan permohonan visa perlu dilakukan oleh travel agent sendiri.